

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM**  
**KAWASAN** : **SARATOK**  
**TARIKH** : **3 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN** : **17**

**SOALAN**

**TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah keuntungan dan kebaikan yang diperolehi oleh Malaysia apabila Proton memeterai perjanjian dengan rakan strategik asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada **YB Saratok** bersekali dengan tujuh soalan lain berkaitan soalan strategik kerjasama PROTON dan Geely. Soalan-soalan tersebut adalah dari **YB. Mersing**, **YB. Petaling Jaya Selatan**, **YB. Kota Melaka**, **YB. Petaling Jaya Utara**, **YB. Rompin**, **YB. Dungun** dan **YB. Kulim Bandar Baharu**.

Kerjasama strategik di antara PROTON dan Geely, sebuah syarikat automotif dari negeri China yang terbesar telah diumumkan pada 23 Jun 2017. Kerjasama strategik ini memberi impak yang positif kepada

industri automotif negara selain dari membuktikan keyakinan pelaburan asing terhadap Malaysia. Ianya juga telah diterima baik warga PROTON. Moral warga PROTON semakin mantap kerana masa depan mereka lebih terjamin. Vendor PROTON juga menyambut baik kerjasama ini kerana ia menjanjikan peluang yang lebih besar kepada mereka.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1983, PROTON telah banyak menyumbang dan memberi manfaat yang besar kepada pembangunan industri automotif di Malaysia. Sepanjang 34 tahun, PROTON telah melalui beberapa pertukaran hak milik pegangan syarikat yang melibatkan kepentingan saham Kerajaan sehinggalah tahun 2012, apabila PROTON menjadi sebuah entiti swasta yang dimiliki sepenuhnya oleh Kumpulan DRB-HICOM.

Dari tahun 1984 sehingga sekarang, Kerajaan telah menyalurkan pelbagai bantuan kewangan yang merangkumi pinjaman mudah (soft loan), geran R&D, pengecualian cukai serta insentif-insentif galakan cukai dalam usaha memacu PROTON menjadi lebih berdaya saing. Sehingga kini, jumlah bantuan yang telah diberikan kepada PROTON adalah dianggakan sebanyak RM15 billion. Pecahan bantuan ini adalah seperti berikut:

- (i) Geran Pelancaran pada (Launching Grant) RM500 juta pada 1984;
- (ii) Dana pembangunan automotif bagi vendor RM110 juta pada 2006-2010;
- (iii) Geran FTV (fleet test vehicle) RM100 juta pada 2012;
- (iv) Geran R&D RM494 juta 2006-2010; dan
- (v) Pinjaman mudah RM1.5 billion tahun 2016;

lanya menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM2.7 billion dan selebihnya adalah dalam bentuk *revenue foregone* iaitu duti eksais, cukai jualan, dan duti import.

Sepanjang tempoh 34 tahun PROTON beroperasi, PROTON telah membayar cukai sebanyak RM24 billion kepada Kerajaan (pecahan). PROTON merupakan sebuah syarikat yang penting dalam ekosistem industri automotif di Malaysia. PROTON juga menyediakan pekerjaan kepada 10,000 rakyat tempatan yang bekerja secara langsung dengan PROTON dan sebanyak 50,000 orang lagi terlibat dalam *supply chain* PROTON.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain **YB Rompin, YB. Mersing, YB. Petaling Jaya Selatan** dan **YB. Saratok** turut mengutarakan pertanyaan berhubung kelebihan tawaran Geely berbanding syarikat pengeluar lain sehingga dipilih menjadi rakan kongsi strategik PROTON.

Kelebihan pemilihan Geely berbanding syarikat lain adalah berdasarkan kepada faktor:

- a) kesesuaian strategi;
- b) operasi kewangan;
- c) kewangan; dan
- d) budaya kerja

Antara kelebihan-kelebihan perkongsian strategik bersama Geely berbanding syarikat OEM lain termasuk:

- (a) Perkongsian model dan platform (*shared platform*) daripada Geely. Kedua-dua pihak akan berkongsi sumber untuk membangunkan produk baharu. Ini merangkumi elemen teknologi serta aktiviti R&D termasuk dari segi proses pembuatan produk itu sendiri. Platform pertama yang dikongsi oleh Geely akan menjadi model SUV pertama PROTON;
- (b) Membantu PROTON menjalankan operasi domestik yang lebih besar yang membawa kepada skala ekonomi (*economies-of-scale*) yang lebih berdaya maju;
- (c) Berpeluang untuk memperluaskan pasaran dengan menembusi pasaran sedia ada Geely di China, rantau ASEAN, Timur Tengah dan Afrika Utara bagi membolehkan PROTON meningkatkan jualan kepada 500,000 unit setahun;
- (d) Menjadikan PROTON sebagai pusat pembuatan model-model Geely bagi pemanduan sebelah kanan (*right-hand drive*);
- (e) Pusat R&D Proton akan diiktiraf sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan Global oleh Geely. Pekerja dan jurutera PROTON berpeluang untuk meningkatkan pembangunan modal insan melalui program pertukaran bakat melibatkan pusat rekabentuk dan R&D Kumpulan Geely di California, Shanghai, Barcelona and Goternburg; dan
- (f) Memberi kerjasama dalam pemindahan operasi perkilangan ke Tanjung Malim dalam tempoh 5 tahun. Proton Tg Malim juga

berpotensi untuk melaksanakan pemasangan kereta-kereta Volvo dan model-model Kumpulan Geely yang lain.

Manfaat perkongsian strategik ini tidak akan terhad kepada warga PROTON sahaja malah kepada semua yang terlibat dalam ekosistem industri automotif. Sebagai contoh, vendor tempatan akan berpeluang untuk mendapat kerjasama teknikal bagi meningkatkan daya saing dan penglibatan dalam *supply chain* Geely dan pasaran eksport serantau.

Wakil penjual dan servis tempatan pula berpeluang meningkatkan keuntungan perniagaan dengan kehadiran rangkaian produk baharu yang lebih menarik kepada pelanggan dan mengguna pakai amalan operasi terbaik dari Volvo dan Geely.

Di samping itu, Geely juga merupakan salah satu pengeluar kereta terkemuka di China. Syarikat tersebut mempunyai rekod jualan sebanyak 1.2 juta unit setahun dan mengeksport ke 23 negara serta mencatat pendapatan tahunan sebanyak US\$30 billion.

Geely turut mempunyai rekod cemerlang dalam memulihkan perniagaan. Sebagai contoh, Volvo yang dimiliki Geely pada 2010 telah berjaya menjual 534,332 unit pada 2016 berbanding kepada jualan 335,000 unit pada 2009.

Oleh yang demikian, perkongsian strategik bersama Geely akan menguntungkan PROTON kerana kelebihan pada tawaran berbanding dengan syarikat-syarikat OEM yang lain dalam membantu PROTON mengatasi isu-isu struktur perniagaan yang dialaminya dan

menguatkan kedudukannya untuk menjadi lebih berdaya saing di peringkat global.

Mengenai soalan daripada **YB Dungun** dan **YB Kulim Baharu** berhubung vendor dan pekerja tempatan. Dengan aspirasi dan pelan perniagaan 10 tahun yang akan dimuktamadkan, Proton dan Geely yakin Proton akan menjadi lebih kompetitif dan seterusnya akan meningkatkan prestasi Proton keseluruhan akan meningkat dan memerlukan lebih ramai pekerja di masa hadapan. Pembekal-pembekal tempatan juga berpeluang untuk meningkatkan daya saing dan mengembangkan perniagaan melalui *Global Shared Purchasing System* yang melibatkan Geely, Volvo Cars, London Taxi, Lynk & Company dan Proton.

Mengenai soalan daripada **YB Kota Melaka** dan **YB Petaling Jaya Utara** berkaitan suntikan tunai yang diterima PROTON hasil penjualan ekuiti PROTON dan Lotus kepada Geely, perlu ditekankan bahawa suntikan yang diterima oleh PROTON adalah dalam bentuk tunai berjumlah RM170 juta dan pemberian model Boyue bernilai RM290 juta dan tunai daripada penjualan Lotus berjumlah RM280 juta. Nilai keseluruhannya adalah RM740 juta.

Bagi menjawab sama ada PROTON masih diberikan pengecualian dan keistimewaan dalam bayaran cukai yang diutarakan oleh YB. Kota Melaka. Pada masa ini, PROTON tidak mempunyai sebarang keistimewaan. Jenis-jenis insentif yang diterima syarikat lain juga dinikmati oleh PROTON seperti pengurangan atau pengecualian duti import dan duti eksais, *investment tax allowance (ITA)* atau *Pioneer Status* berdasarkan aktiviti nilai tambah yang dijalankan oleh syarikat-

syarikat automotif seperti yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional (NAP 2014).

Ringkasnya, warga PROTON, DRB Hicom sebagai pemilik PROTON, kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia menerima baik kerjasama strategik ini kerana ia mampu memulihkan syarikat PROTON untuk menjadi sebuah syarikat yang menguasai bahagian yang lebih dalam pasaran tempatan serta mampu menembusi pasaran eksport luar negara. Ini seterusnya akan memberikan faedah kepada semua rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.